

SRP: PM  
minta  
ibu bapa  
kawal <sup>(b)</sup>  
tindak tanduk  
anak-anak

**M 2 - OCT 1992**  
Dato' Sri  
Dr. Mahathir Mohammad  
hari ini meminta kerjasama  
ibu bapa membantu kerajaan  
mengawal tindak tanduk a-  
nak-anak mereka dalam per-  
kara yang menyusahkan  
orang lain.

Perdana Menteri berkata  
sebelum berlepas pulang ke  
tanah air dari sini bahawa  
tindakan undang-undang sa-  
haja tidak akan memberi ha-  
sil yang berkesan tanpa soko-  
ngan dan kerjasama ibu ba-  
pa.

Beliau meminta kerjasama  
ibu bapa ini ketika diminta  
mengulas pembocoran kertas  
soalan mata pelajaran Sains  
dan Geografi Sijil Rendah  
Pelajaran (SRP).

Dr. Mahathir amat dukaci-  
ta dengan pembocoran itu  
kerana ia menyusahkan pe-  
lajar-pelajar yang tidak ber-  
dosa.

Untuk itu, katanya, di  
samping kerajaan mengetat-  
kan langkah dan mengambil  
tindakan yang sewajarnya,  
ibu bapa harus menolong  
kerajaan dengan menasihati  
anak-anak menjauhkan diri  
dari perbuatan tersebut. —  
*Utusan.*